

08/02/2003

Ramai sudah celik mengenai LTdL

Zairee

MEMANG menakjubkan apabila melihat sambutan orang ramai di lokasi permulaan dan penamat Le Tour de Langkawi 2003 ini tetapi lebih kagum ialah wibawa venue yang menjadi hos buat pertama kali.

Menurut penganjur, mereka pada mulanya kurang yakin dengan sambutan masyarakat bandar kecil kerana sedar minat terhadap sukan lumba basikal masih berkurangan, tambahan pula tidak berpengalaman menjadi hos permulaan

atau penamat.

Tetapi segala jangkaan itu tidak tepat sama sekali, malah sambutan pekan

kecil seperti Tanah Merah, Marang dan Cukai cukup memberangsang dan mengharukan.

Tidak sangka pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan di bandar kecil

juga mampu melaksanakan tugas dengan cukup berkesan ketika menyambut atau

melepaskan pelumba dan rombongan yang terbabit dalam perlumbaan tahun kelapan ini.

Sehingga ke hari ini, beberapa wartawan masih menyebut sambutan hebat orang ramai di Tanah Merah kerana tidak percaya dengan saiz penonton yang

memenuhi kawasan penamat di pekan kecil negeri Kelantan itu.

Dan khabarnya beberapa pekan kecil lain di beberapa negeri sudah menghantar permohonan kepada First Cartel untuk membawa perlumbaan bertaraf antarabangsa yang disiarkan secara langsung dan rakaman ke lebih

60 negara itu ke tempat mereka.

Ada di antaranya begitu bersungguh-sungguh melobi penganjur supaya dapat

menjadi tempat permulaan atau pun penamat untuk edisi kesembilan tahun depan. Dan First Cartel khabarnya sedang menimbang kesesuaian lokasi baru

ini dengan mengambil kira aspek lojistik, penginapan dan keselesaan pelumba sendiri.

Bukan mudah untuk memilih sesuatu lokasi kerana penganjur terlebih dulu

perlu memastikan ia tidak menghalang kelancaran perlumbaan itu kerana setiap perkembangan diawasi oleh Presiden Komisar yang menjadi wakil badan

induk antarabangsa berbasikal - Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

Dan penganjur juga terpaksa berlaku adil dan mengutamakan kriteria penting itu supaya kesempurnaan LTdL sejak beberapa tahun ini tidak terjejas.

Apapun, semua ini membuktikan salah satu daripada serampang dua mata LTdL iaitu pelancongan menerusi sukan, sudah mula disedari orang kita.

Mereka sudah dapat melihat bagaimana menerusi sukan berbasikal itu yang

diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1996,

juga  
mampu bertindak sebagai alat untuk memperagakan keindahan dan keunikan  
tempat-tempat yang kurang dikenali di negara kita.